

Putrajaya tubuh MRT Co selia projek MRT
The Malaysian Insider
18 Ogos, 2011
Oleh G Manimaran

KUALA LUMPUR, 18 Ogos – Kerajaan menubuhkan syarikat khusus – MRT Co untuk menguruskan projek pengangkutan awam terbesar negara ini, transit rapid massa (MRT) dan ia akan mengambil alih peranan Syarikat Prasarana Negara Berhad mulai 1 September ini.

Pembentukan syarikat itu diputuskan pada mesyuarat Kabinet semalam.

MRT yang dianggap projek prasarana terbesar negara sebagai sebahagian daripada Pelan Induk Greater Lembah Klang, akan menyediakan perkhidmatan tulang belakang kepada sistem pengangkutan awam sedia ada, dan disepadukan dengan LRT, KL Monorel dan perkhidmatan KTM sedia ada.

Merentasi pusat bandar dari Sungai Buloh ke Kajang, laluan MRT akan mempunyai jarak kira-kira 51km.

Ini termasuk 9.5 km menerusi terowong bawah tanah dengan 27 stesen bahagian atas, tujuh stesen bawah tanah dan depot di Sungai Buloh dan Kajang.

Sehubungan itu, MRT Co, yang terletak di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan, merupakan pemilik projek dan aset MRT yang dikenali sebagai projek Transit Rapid MY Lembah Klang (KVMRT).

“MRT Co akan mengambil alih kesemua peranan daripada Syarikat Prasarana Negara Berhad berkuat kuasa 1 September ini. Kerajaan juga dijangka akan melantik seorang rakyat Malaysia sebagai ketua pegawai eksekutif MRT Co kemudian,” kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dalam satu kenyataan dikeluarkan oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu) hari ini.

Najib berkata, kerajaan komited penuh untuk memastikan pelaksanaan projek yang kos efektif dan dapat disiapkan mengikut masa ditetapkan.

Justeru kata beliau, dalam mengendalikan projek yang besar dan kompleks itu, fokus yang jelas dan mendalam ke atas urus tadbir projek menjadi keutamaan.

“Kabinet merasakan bahawa perlu ada sebuah unit khusus, yang hanya memfokus dalam memastikan infrastruktur paling besar negara dilaksanakan dengan tumpuan penuh, lancar dan secara berkesan, dengan mengekalkan urus tadbir yang telus sepanjang proses,” katanya lagi.

MRT Co akan mempunyai pasukan pengurusan projek dan teknikal, merangkumi projek-projek rel massa dan akan menyertakan pakar-pakar yang akan dipinjamkan dari pasukan Prasarana MRT.

Kenyataan itu menambah, pasukan pengurusan projek dan teknikal akan diketuai oleh Marcus Levon Karakashian, yang terlibat dalam projek-projek rel utama sepanjang 30 tahun lalu.

Kenyataan itu berkata, keutamaan segera dan kritikal MRT Co ialah memfokus usaha

memastikan pelaksanaan lancar Laluan Sungai Buloh-Kajang.

Ia menambah, sebaik sahaja selesai pengendali KVMRT ialah RapidKL, sebuah anak syarikat Syarikat Prasarana Negara Berhad.

“Dengan pembentukan MRT Co, Prasarana boleh memberikan tumpuan tidak berbelah bahagi ke atas peranannya memenuhi perkhidmatan yang berkesan dan boleh dipercayai bagi Lembah Klang,” katanya sambil menambah, antaranya ialah memperbaiki perkhidmatan LRT, memperluaskan kapasiti laluan monorel, memperbaiki perkhidmatan bas sedia ada bagi mengatasi permintaan yang tinggi dan seterusnya mencapai keuntungan dalam waktu terdekat.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/putrajaya-tubuh-mrt-co-selia-p-rojek-mrt/>